

KANDUNGAN

Pengenalan Wakaf Selangor Muamalat	1
Organisasi Jawatankuasa Penubuhan Bersama (JPB)	1
Kelebihan Melaksanakan Wakaf Tunai	1
Agihan sumbangan wakaf	2
Jumlah Kutipan Bulanan	3
Senarai Projek Wakaf	3

Pengenalan Wakaf Selangor Muamalat

Wakaf Selangor Muamalat (WSM) merupakan jalinan kerjasama antara Perbadanan Wakaf Selangor dan Bank Muamalat Malaysia Berhad bagi menguruskan dana Wakaf secara bersama melalui pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB). Melalui usahasama ini, Wakaf Selangor Muamalat (WSM) akan menyalurkan sumbangan dana wakaf kepada aktiviti dan projek wakaf dalam segmen kesihatan dan pendidikan sahaja. Dana wakaf ini juga akan dilaburkan di dalam aktiviti yang berlandaskan syariah bagi mengembangkan dana wakaf.

Organisasi Jawatankuasa Penubuhan Bersama (JPB)

- Dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Abdul Rahman Arshad
- Dianggotai oleh 6 orang wakil masing-masing 3 daripada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan 3 daripada Bank Muamalat
- JPB ini dipantau oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
- Antara bidangkuasa JPB adalah menentukan penyaluran dana wakaf kepada projek wakaf yang telah dipersetujui, membantu golongan yang memerlukan bagi tujuan pendidikan kesihatan, melaburkan semula manfaat wakaf yang telah diterima dan sebagainya.



Kelebihan Melaksanakan Wakaf Tunai

Dengan menggalakkan orang ramai menyertai wakaf tunai, ianya secara langsung dan tidak langsung memberikan sumbangan yang besar kepada kebajikan masyarakat.

Sabda Rasulullah SAW:

‘Apabila seorang anak Adam mati, segala amalnya terputus, kecuali tiga perkara: iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya’.

(Riwayat Muslim)

- Membasmi kemiskinan
- Menyediakan peluang pekerjaan kepada orang ramai
- Menyediakan infrastruktur asas
- Penyelidikan dan pembangunan teknologi
- Pendidikan untuk semua
- Memberi makan orang fakir
- Penjagaan kesihatan kepada semua





Sumbangan Peralatan Perubatan kepada Hospital Sungai Buloh

Sebagai salah satu projek perintis, satu majlis penyerahan sumbangan peralatan perubatan daripada Wakaf Selangor Muamalat kepada Hospital Sungai Buloh telah diadakan pada 30 Januari 2013. Antara peralatan yang disumbangkan adalah kerusi roda, 'oxygen concentrator', 'portable suction pump', 'ripple mattress', dan lain-lain yang bernilai RM 37,030.00. Majlis ini merupakan

projek pertama Wakaf Selangor Muamalat (WSM) setelah 4 bulan ia dilancarkan. Pemilihan Hospital Sungai Buloh sebagai penerima pertama sumbangan WSM adalah kerana pesakit-pesakit di sini memenuhi kelayakan untuk menerima sumbangan wakaf di samping rekod kecemerlangan Hospital Sungai Buloh di dalam memberi khidmat penjagaan kesihatan.

Sumbangan Peralatan Asas Ke Maahad Tahfiz Al-Quran Wa-Ulumuddin, Sungai Besar

Jawatankuasa Pengurusan Bersama Wakaf Selangor Muamalat (WSM) telah meluluskan pemberian sumbangan wakaf peralatan asas untuk kegunaan pelajar-pelajar di Maahad Tahfiz Al-Quran Wa-Ulumuddin. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Abd Rahman Arshad, Pengerusi Wakaf Selangor Muamalat telah menyerahkan sumbangan kepada Al-Fadhil Ustaz Haji Jemari

bin Ngaris, Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Wa-Ulumuddin pada 21 Mei yang lalu. Peralatan yang disumbangkan adalah 50 buah katil 2-tingkat, tilam sebanyak 100 keping dan 50 buah almari untuk kegunaan pelajar-pelajar di Maahad Tahfiz ini. Keseluruhan dana yang disumbangkan berjumlah RM43,100.00.



Klinik Bergerak

Klinik Bergerak Wakaf Selangor Muamalat dengan anggaran bajet RM254,900 akan dilaksanakan dengan kerjasama Kumpulan Perubatan Johor (KPJ) sebagai operator klinik. Klinik ini akan memulakan operasinya di Kuala Selangor dalam sedikit masa lagi.



** Gambar di atas adalah sekadar ilustrasi sahaja

Jumlah Kutipan Bulanan WSM (April - Jun 2013)

TAHUN	BULAN	SUMBER	JUMLAH MENGIKUT JENIS DANA (RM)	JUMLAH BULANAN (RM)
2013	April	1. Dana Asas	67,483.95	69,307.92
		2. Dana Manfaat	1,823.97	
	Mei	1. Dana Asas	45,511.72	47,227.31
		2. Dana Manfaat	1,715.59	
	Jun	1. Dana Asas	96,554.77	98,542.73
		2. Dana Manfaat	1,987.96	
JUMLAH				215,077.96
JUMLAH DANA SEMASA WSM				2,060,768.72



Senarai Projek Wakaf Yang Telah Diluluskan Sehingga Jun 2013

No	Jenis Bantuan Wakaf	Jumlah Diluluskan	Pemohon	Status
1	Peralatan perubatan untuk pesakit Hospital	RM 37,030	Hospital Sg Buloh, Selangor	Dilaksanakan pada 30/1/2013
2	Peralatan asrama untuk pelajar	RM43,100	Maahad Tahfiz Al Quran Wa Ulumuddin, Sg. Besar	dilaksanakan pada 21/5/2013
3	Pemasangan 2 mesin dialisis untuk pesakit yang miskin	RM76,000	Dailisis Nur Ain, Rawang	Dalam proses penghantaran oleh vendor
4	Klinik bergerak	RM 254,900	JPB WSM	Proses pengubahsuaian sedang dijalankan
5	Peralatan perubatan untuk Pusat Penjagaan Orang Tua	RM 49,575	Pusat Jagaan Al-Fikrah, Kajang	Peralatan telah dihantar oleh vendor
6	Mesin embosser untuk percetakan al-Quran braille	RM16,000	Persatuan Orang-orang Cacat Islam Malaysia (PERTIS)	Dalam proses tempahan
7	Al-quran & buku-buku sekolah	RM11,000	SRA Kampong Perepat, Klang	Kelulusan terbaru
Jumlah Sumbangan		RM487,605		



Sebarang pertanyaan sila hubungi:



Unit Pengurusan Wakaf dan Sekretariat,
Jabatan Syariah, Bank Muamalat Malaysia Berhad,
Tingkat 20, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur



Emel: shariahenquirygroup@muamalat.com.my
Tel: 03-2698 8787 Samb: 1245/ 1267/ 2822
(Tn. Hj. Che Mazlan, Cik Wan Nuraihan & En. Abdul Aziz)